

## Abstract

The purpose of this dissertation is to distinguish three varieties of wisdom found in the voices of three characters – Prospero, Gonzalo and Caliban – in Shakespeare’s *The Tempest*. As each voice enunciates its conviction, predisposition and integrity in the interactions between the three characters, conflicts are generated from opposition and juxtaposition of the wisdoms identified in the three voices. The first chapter presents the objectives of the study, discusses the play in its received wisdom, its background and outlines the theoretical framework of the thesis. The second chapter looks at the abstraction of wisdom as well as how man observed and distinguished wisdom throughout the different ages. These two chapters form the foundation for the next chapter. Chapter 3 examines each voice, ascertaining their individual representation as deriving from the Ancient Western Wisdom, Renaissance Wisdom or New World Wisdom. The latter part of this chapter juxtaposes the three voices along with their representations so as to determine their disparate wisdom in conflict. The final chapter concludes that the Ancients’ construction of wisdom is neither complete nor perfect as to be deemed as the yardstick for all ages. As a consequence, we should gauge our world by our own standards and not be bound by any form of prefabricated ancient and alien standards. This study raises a vital point – we need to liberate our restrained understanding of wisdom as well as recognising our own ability as at par with that of our past physical and existing mental colonisers.

## Abstrak

Disertasi ini akan meneliti tiga bentuk kebijaksanaan menerusi suara tiga watak utama iaitu Prospero, Gonzalo dan Caliban di dalam karya Shakespeare *The Tempest*. Suara tiga watak di dalam karya tersebut mengandungi integriti, kewibawaan serta kecenderungan tersendiri. Interaksi di antara suara ketiga-tiga watak mewujudkan pelbagai konflik terutamanya apabila pertuturan dan kebijaksanaan mereka dibandingkan secara selari atau bertentangan. Bab Satu membincangkan mengenai teori asas dan latar belakang karya yang digunakan di dalam kajian ini di samping objektif dan tujuan penyelidikan. Analisa mengenai konsep kebijaksanaan serta bagaimana manusia mengandaikan dan membezakan kebijaksanaan itu merentasi zaman akan di utarakan di Bab Dua. Bab Tiga adalah mengenai kepastian terhadap setiap suara kepada bentuk kebijaksanaannya, sama ada suara itu mengandungi kebijaksanaan yang berlandaskan Kebijaksanaan Kuno Barat, Kebijaksanaan Renaissance atau Kebijaksanaan Dunia Baru. Hal ini adalah untuk memastikan adakah konflik itu wujud akibat dari perbezaan bentuk asas kebijaksanaan mereka atau sebaliknya. Bab Empat pula menyimpulkan bahawa kebijaksanaan yang dibentuk oleh ahli falsafah Kuno Barat bukanlah sempurna dan tidak boleh dijadikan kayu pengukur yang unggul. Oleh itu, kita mestilah menilai dunia kita dengan ukuran tersendiri dan tidak terikat dengan nilai-nilai atau sukatan yang asing atau kuno. Kajian ini mengunjurkan maklumat yang mustahak di mana kita wajar memerdekakan interpretasi kebijaksanaan kita kerana ia membolehkan kita menilai kebolehan sendiri setara dengan penjajah fizikal yang lalu mahupun penjajah mental kita sekarang.